

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
OLEH KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR  
SIMPOSIUM RTP SEMPENA ULANGTAHUN REAKTOR TRIGA PUSPATI KE 40  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

YBrs Barisan Pengurusan Atasan,

YBrs Pengarah-Pengarah Bahagian,

YBrs. Dr Julia Abdul Karim  
Pengurus Pusat Teknologi Reaktor,

Serta hadirin sekalian,

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.**

1. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana walaupun dalam situasi penularan wabak COVID-19 di negara ini belum pulih sepenuhnya, kita masih dapat hadir bersama-sama di majlis pada pagi hari ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Simposium RTP kerana menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Simposium RTP sempena Sambutan Ulangtahun Reaktor TRIGA PUSPATI ke 40.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas kehadiran semua peserta tidak kira dari Agensi Nuklear Malaysia mahu pun dari luar (Agensi Kerajaan, NGO, IPT Awam & Swasta, sekolah-sekolah) sebagai tanda sokongan kepada satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear di Malaysia. Sesungguhnya, ini jelas memperlihatkan keprihatinan kita terhadap asal permulaan pembangunan teknologi nuklear di negara ini yang didokong oleh Agensi Nuklear Malaysia khususnya di Pusat Teknologi Reaktor melalui Reaktor TRIGA PUSPATI.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. RTP telah pun mencapai usia ke 40 tahun pada hari ini. Jika kita melihat semula 40 tahun ke belakang, terlalu banyak suka duka, pahit manis dicapai melalui RTP. Kakitangan silih berganti, perintis RTP tiada lagi yang tinggal, yang muda menjadi harapan penyambung legasi. Justeru, di usia 40 tahun ini, pastinya RTP tetap teguh dan terus mencapai kejayaan demi kejayaan, meningkatkan keupayaannya melalui amalan baik di dalam pengurusan pengoperasian dan penyenggaraannya.
4. Tujuan Simposium RTP ini adalah untuk mempromosikan fungsi reaktor sebagai pusat penyelidikan dan khidmat penyinaran neutron, sekaligus menarik pengguna yang berpotensi untuk menggunakan khidmat penyinaran di RTP. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mewar-warkan kejayaan RTP sepanjang 40 tahun kendalian di dalam pelbagai bidang terutamanya, industri, perubatan dan juga latihan; memperkenalkan dan menyebarkan luas aktiviti khidmat sinaran RTP kepada masyarakat. Adalah menjadi harapan supaya Simposium ini juga menjadi medium interaksi dan jaringan komuniti penyelidikan berkaitan aktiviti di RTP dengan masyarakat. Manakala konten Simposium ini boleh dikongsi di media sosial.
5. Simposium RTP pada kali ini, yang bertemakan “Masa Depan Nuklear Kita: Dari Polisi ke Realiti” turut juga diadakan bersama-sama dengan Minggu Sains Negara. Sekaligus ia menunjukkan komitmen yang tinggi RTP di dalam menyokong pembangunan STI negara. Sebahagian pengisian Simposium ini boleh dicapai di platform atas talian Minggu Sains Negara.
6. Dua forum akan membincangkan mengenai tenaga masa depan sama ada menggunakan tenaga pembelahan (fision) mahupun tenaga pelakuran (fision). Antara teknologi yang turut dibincangkan termasuklah Small Medium Reactor (SMR) dan Microreactor (MR). Di dalam sidang forum yang lain pula, akan membincangkan mengenai regim 3S (Safety, Security & Safeguard) yang menjadi tonggak keselamatan utama di dalam mana-mana pengoperasian reaktor.
7. Saya turut difahamkan pada hari kedua, aktiviti khusus diadakan untuk mempromosi seterusnya mendekatkan lagi orang awam kepada RTP dengan beberapa demonstrasi eksperimen yang mana, mereka boleh merasai pengalaman

menjalankan eksperimen berasaskan teknologi nuklear dengan bimbingan pegawai penyelidik di Pusat Teknologi Reaktor. Oleh itu, sukacita saya menyarankan kepada peserta yang hadir, khususnya jemputan daripada IPTA, sekolah-sekolah turut serta mengambil bahagian di dalam aktiviti tersebut.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Sebenarnya, teknologi ini adalah teknologi yang paling terkawal dengan standard keselamatan antarabangsa yang tinggi dengan garis panduan yang mantap untuk memastikan keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan bagi memastikan pekerja, orang awam dan alam sekitar dilindungi. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) ditugaskan untuk menguatkuasakan peraturan ini melalui keperluan perlesenan yang relevan sementara organisasi penyelidikan seperti Agensi Nuklear Malaysia memainkan peranan penting untuk mempromosi dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini.
9. Memandangkan telah 40 tahun usia RTP, kini tiba lah masanya kita memikirkan mengenai perancangan pembangunan program reaktor penyelidikan nuklear yang baharu, bagi memastikan kesinambungan Teknologi reaktor beserta kepakaran sedia ada supaya tidak meninggalkan vacuum yang besar serta 'brain-drain' di dalam Teknologi ini di Malaysia. Selain itu, sumbangan penggunaan Teknologi nuklear secara aman sememangnya tidak dapat disangkal lagi yang sudah sehati di dalam kehidupan seharian kita tanpa disedari.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat bersimposium kepada semua yang hadir. Saya berharap, semoga Simposium kali ini, berjalan dengan lancar dan penuh disiplin.
11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua hadirin pada hari ini. Juga, tahniah dan syabas kepada seluruh ahli jawatankuasa dalam menganjurkan Simposium RTP sempena ulangtahun ke 40. Semoga semangat seperti ini sentiasa diteruskan, dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita.

12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya menyempurnakan perasmian “Simposium Reaktor TRIGA PUSPATI Sempena Ulangtahun ke 40”.
  
13. Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Sekian, terima kasih

**YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN  
KETUA PENGARAH  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA.**